

06/12/2003

Pantai yakin prestasi lebih baik

Abdul Halim Yusoff

PANTAI Holdings Bhd (Pantai), penyedia perkhidmatan perubatan yakin mencatatkan keputusan kewangan lebih baik pada tahun kewangan semasa berikutan kekukuhan pencapaian pada suku pertama tahun kewangan semasa.

Pengerusi Pantai, Datuk Dr Ridzwan Bakar, berkata syarikat sangat yakin merekodkan pencapaian lebih baik tahun ini, terutama melihat angka keuntungan bersih RM4.3 juta yang diperoleh pada suku pertama berakhir 30 September 2003.

"Pencapaian itu sudah separuh daripada keuntungan bersih yang diperoleh syarikat tahun lalu sebanyak RM8.2 juta," katanya selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) syarikat di Hospital Pantai, Kuala Lumpur, semalam.

Dr Ridzwan berkata, syarikat juga mengunjurkan sumbangan besar daripada anak syarikatnya, Fomema Sdn Bhd (Fomema) dan Pantai Medivest Sdn Bhd yang masing-masing menjalankan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan buruh asing dan khidmat sokongan klinikal.

Katanya, peningkatan keperluan terhadap pekerja asing akan menyumbangkan pendapatan lebih besar kepada Fomema. Tahun lalu, Fomema memeriksa 500,000 pekerja asing dan tahun ini dijangka meningkat kepada 800,000 orang.

Pantai Medivest pula sedang merundingkan semakan harga bagi perkhidmatannya dengan kerajaan. Pantai Medivest kini memberikan perkhidmatan sokongan klinikal kepada 21 hospital kerajaan daripada 19 sebelumnya. Tahun lalu ia mendapat bayaran RM122.1 juta.

"Paling penting, kami mendapat pengesahan sokongan berterusan daripada pemegang saham terbesar, Datuk Lim Tong Yong yang juga Ketua Eksekutif syarikat bahawa beliau tidak akan menjual pegangannya dalam Pantai seperti yang dikhabarkan sebelum ini," katanya.

Lim yang menguasai 23.64 peratus dalam Pantai dan hadir sama dalam sidang media itu, menegaskan beliau tidak akan menjual pegangannya itu.

Laporan media sebelum ini menyebut Lim sedang berunding dengan Pharmaniaga Bhd, untuk menjual seluruh kepentingannya dalam Pantai.

Lim juga menegaskan Pantai yang memiliki 16.9 peratus ekuiti Avenue Capital Resources Bhd tidak akan menjual pegangannya itu meskipun tiada hubung kait antara perniagaan perkhidmatan perubatan dan sekuriti.

Lim mengakui ada banyak pihak yang menemuinya untuk mendapatkan pegangannya itu tetapi beliau tetap enggan melepaskannya walaupun ditawarkan harga tinggi.

Avenue Capital, sebuah syarikat broker universal adalah antara aset pelaburan jangka panjang yang dibeli Pantai sebelum Lim mengambil alih sebagai pemegang saham utama Pantai pada April 2001 daripada Datuk Mokhzani Mahathir.

Lim, yang juga Pengerusi Eksekutif Paos Holdings Bhd, dilaporkan membayar RM59.6 juta untuk membeli kepentingan kawalan Pantai daripada Mokhzani yang menyaksikan beliau turut menguasai kepentingan dalam Avenue Capital dan Tongkah Holdings Bhd.

Pantai mula terbabit dalam perniagaan perkhidmatan perubatan sejak 29 tahun lalu, dan kini mengendalikan tujuh hospital di seluruh negara.